

OSTEOACTIV PLUS CHONDROITIN CAPSULE

Glucosamine Sulphate / Chondroitin Sulfate (250mg / 200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule
2. Bagaimana OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule
4. Cara mengambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule
5. Semasa mengambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule

OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule digunakan sebagai rawatan tambahan untuk osteoarthritis (kesakitan yang disebabkan oleh rawan, iaitu pelincir sendi, yang berkurangan akibat usia meningkat).

Bagaimana OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule berfungsi

OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule mengandungi Glucosamine yang membentuk tisu rawan dalam badan dan memberi aktiviti pelinciran dengan meningkatkan pengeluaran bendalir sinovia (cecair yang mengelilingi sendi). Chondroitin ialah komponen penting dalam struktur rawan dan memberikan rintangan terhadap mampatan.

Sebelum mengambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda mempunyai alahan (hipersensitiviti) terhadap glucosamine, chondroitin, atau kandungan lain di dalam produk ini.

Jangan ambil produk ini jika anda mempunyai alahan terhadap makanan laut yang bercengkerang.

Jangan ambil produk ini jika anda berada dalam tempoh 3 bulan pertama kehamilan.

- Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor sebelum mengambil produk ini semasa anda mengandung atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat- ubatan lain

Glucosamine dapat mengurangkan keberkesanan ubat kencing manis seperti Metformin, Tolbutamide dan Rosiglitazone.

Tiada interaksi dilaporkan antara Chondroitin Sulphate dan ubat-ubatan lain.

Cara mengambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Terapi awal: Ambil 2 kapsul 3 kali sehari. Terapi pengekalan: Ambil 2 kapsul dua kali sehari.

- Bila perlu diambil

Boleh diambil sebelum makan.

- Berapa lama perlu diambil

Terapi awal perlu diambil sekurang-kurangnya 3 bulan (atau seperti yang diarahkan oleh profesional kesihatan) sebelum melihat perubahan dapat dilihat. Berikutan terapi awal 3 bulan, dos boleh ditingkatkan atau berkurang berdasarkan tindak balas individu.

Adalah penting untuk terus mengambil produk untuk pengawalan sendi dan kelenturan yang sihat dalam jangka masa panjang.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule, ambilkannya apabila anda teringat. Jangan cuba mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda dan bawa produk atau risalah ini bersama.

Semasa mengambil OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya mengalami kesakitan teruk, adalah dinasihatkan untuk mengambil ubat anti-keradangan semasa beberapa hari pertama rawatan dengan Glucosamine.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan penggunaan pada kanak-kanak.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati jika menggunakan produk ini untuk pesakit yang mempunyai kencing manis, masalah hati atau buah pinggang.

Kesan Sampingan

Kesan sampingan di bawah telah dilaporkan:

- Bengkak bahagian bawah kaki atau tangan, denyutan jantung yang cepat
- Mengantuk, sakit kepala, insomnia

- Mual, muntah, cirit-birit, senak atau sakit perut, sembelit, pedih ulu hati dan gangguan pemakanan
- Kulit kemerahan dan gatal-gatal

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara Penyimpanan dan Pelupusan OSTEOACTIV plus Chondroitin Capsule

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul sayuran lutsinar yang mengandungi serbuk halus berwarna putih.

- Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif

Setiap kapsul mengandungi Glucosamine Sulphate 250mg dan Chondroitin Sulphate 200mg dari sumber bovin.

- Bahan-bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose, Copovidone, Sodium Starch Glycolate, Precipitated Silicon Dioxide, Magnesium Stearate.

- Nombor MAL:

MAL08111842X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/03/2022

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)220302/845